

10 MAY 2001

SAMBUTAN RASMI UNTUK DELEGASI ST LUCIA

PUTRAJAYA, 10 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri St Lucia Dr Kenny David Anthony diberi sambutan rasmi di Dataran Perdana, Kompleks Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini sempena lawatan rasmi lima harinya ke Malaysia yang bermula semalam.

Dr Kenny diiringi isteri Rose Marie dan tujuh anggota delegasi termasuk Menteri Perancangan, Pembangunan, Alam Sekitar dan Perumahan Dr Walter Francois.

Pada upacara sambutan rasmi itu, Dr Kenny diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memeriksa perbarisan kehormat terdiri daripada pegawai dan anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja.

Yang turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan para anggota Jemaah Menteri Malaysia.

Dr Kenny kemudian menandatangani buku lawatan di Bangunan Perdana Putra sebelum mengadakan perbincangan tertutup peringkat delegasi dengan rakan sejawatan dari Malaysia.

Satu memorandum persefahaman turut dimeterai antara kedua-dua negara.

Delegasi St Lucia dijangka mengadakan lawatan ke Unit Perancangan Ekonomi (UPE) selepas perbincangan itu.

-- BERNAMA  
ZAI AHH RHM